

▼04/05/14-19MST

CNS4494

R GB 04-05 00114 BC730

aab

Mahathir - Rwanda

MALAYSIA GESA MAJLIS KESELAMATAN PBB PULIHKAN KEAMANAN DI RWANDA

I

KUALA LUMPUR, 4 Mei (Bernama) -- Malaysia menggesa Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) mengambil langkah segera memulihkan keamanan dan ketenteraman di Rwanda.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang membuat gesaan itu hari ini berkata Malaysia amat bimbang dengan keadaan tragik di tengah benua Afrika itu.

Dalam satu kenyataan yang diterima di sini dari Paris, Dr Mahathir berkata persengketaan politik dalaman yang berterusan di Rwanda telah banyak mengakibatkan kehilangan nyawa dan pelarian beramai-ramai ke negara-negara jiran.

Dr Mahathir berada di Perancis kerana lawatan peribadi. -- Lagi

▼04/05/14-11MST

CNS4498

R GB 04-05 00132 BC731

aab

Mahathir - Rwanda 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Rwanda dilanda dengan kejadian pembunuhan beramai-ramai selama empat minggu antara suku kaum Hutu dan Tutsi mengakibatkan kira-kira 200,000 orang mati dengan beribu-ribu lagi lari ke Tanzania.

Jawatankuasa Antarabangsa bagi Palang Merah (ICRC) melaporkan 21 kanak-kanak dibunuh di rumah anak yatim Palang Merah di bandar selatan Butare dengan 13 sukarelawan Palang Merah.

Setiausaha agung PBB Boutros Boutros-Ghali telah merayu kepada negara-negara Afrika menghantar pasukan pengaman ke Rwanda dan turut berkata beliau tidak menerima jawapan rasmi dari Majlis Keselamatan terhadap permintaannya minggu lepas bagi penghantaran satu pasukan tentera PBB untuk menghentikan pembunuhan itu.

Pertumpahan darah tercetus selepas kematian Presiden Hutu Juvenal Habyarimana dalam serangan roket terhadap kapalterbangnya pada 6 April. -- Bernama

ARES RON

▼04/05/14 20MST

▼04/05/14 11MST

CNS4816

R GB 04 05 00137 BC738

aab

Mahathir - Rwanda 3 (Akhir) Kuala Lumpur (sambungan berita)

Sementara itu Wisma Putra dalam satu kenyataan di sini berkata kabinet dalam mesyuarat mingguannya hari ini membincangkan situasi di Rwanda dan menyatakan rasa bimbang kerajaan mengenai pembunuhan antara kaum yang menyebabkan beribu-ribu kematian penduduk yang tidak berdosa.

"Malaysia mengutuk pembunuhan ini yang menyebabkan kesengsaraan tidak terkata di kalangan rakyat Rwanda dan membebankan negara-negara jiran dengan beribu-ribu pelarian."

"Malaysia menggesa supaya pembunuhan beramai-ramai ini dihentikan segera," kata kenyataan itu.

Malaysia juga menggesa masyarakat antarabangsa terutama PBB menangani isu ini secara berkesan dan mengusahakan tindakan segera menamatkan pertempuran itu, menurut kenyataan berkenaan.

Ia menambah: "Dalam hubungan ini, Malaysia menggesa Majlis Keselamatan PBB mengambil langkah segera mengetepikan pembunuhan sia-sia itu dan memulihkan ketenteraman." -- Bernama

ES RON